

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN  
DEWAN NEGARA MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB SENATOR PUAN RITA SARIMAH  
ANAK PATRICK INSOL**

**TARIKH : 25 OKTOBER 2021 (ISNIN)**

**SOALAN**

**Puan Rita Sarimah Anak Patrick Insol** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan statistik bilangan golongan isi rumah yang diketuai wanita yang terkesan dari segi sosial dan ekonomi akibat pandemik COVID-19 dan apakah perlindungan sosial sedia ada atau yang akan diwujudkan untuk menangani masalah ini.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Sehingga 30 September 2021, statistik Ketua Isi Rumah (KIR) wanita yang berdaftar dengan eKasih adalah sebanyak **282,012 KIR**. Pelbagai program/ bantuan telah dan sedang dilaksanakan oleh pelbagai kementerian dan agensi Kerajaan Pusat dan agensi Kerajaan Negeri bagi memastikan kadar kemiskinan dapat terus dikurangkan. Sebanyak 2,167,932 bilangan bantuan dengan jumlah sebanyak RM3.85 bilion telah disalurkan kepada KIR wanita dalam eKasih di seluruh negara untuk program/ bantuan kesejahteraan rakyat.

Kerajaan juga telah menyediakan beberapa insentif kepada majikan dan wanita yang ingin kembali bekerja seperti elaun kewangan dan pengecualian cukai pendapatan sehingga 2023. Di samping itu, PERKESO juga telah melaksanakan pelbagai program perkhidmatan pekerjaan yang telah membantu **171,856 Wanita Kembali Bekerja** ataupun Bermula Bekerja sejak penularan wabak COVID-19 hingga kini.

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian ini melalui Jabatan Pembangunan Wanita (JPW) telah mengadakan pelbagai inisiatif untuk membantu golongan wanita termasuk:

- 1) **Kolaborasi Strategik bersama Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MEDAC)**
- 2) **Kolaborasi Strategik JPW dengan pelbagai pihak seperti TalentCorp dan PERKESO untuk menyediakan peluang pekerjaan kepada wanita**
- 3) **Wanita Bangkit Berniaga**
- 4) **Program Bantuan MyKasih Kapital**

- 5) **Bantuan Khas Ibu Tunggal (BKIT)**
- 6) **Inisiatif bagi membantu wanita mempunyai tabungan/simpanan sendiri sebagai persediaan dari segi kewangan melalui Caruman Sukarela Insentif atau i-Suri.** Sehingga kini, jumlah kumulatif kumpulan sasaran yang telah mendaftar i-Suri adalah seramai 292,991 ahli manakala ahli yang mencarum adalah seramai 198,730 ahli
- 7) **Program Mamacare** yang disediakan oleh Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN)/

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN  
DEWAN NEGARA MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB SENATOR PUAN LIM HUI YING**

**TARIKH : 25 OKTOBER 2021 (ISNIN)**

**SOALAN**

**Puan Lim Hui Ying** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan senarai program pembinaan kepimpinan wanita yang telah dijalankan dari tahun 2020 sehingga kini.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Secara umumnya, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat melalui Jabatan Pembangunan Wanita (JPW) telah melaksanakan pelbagai program pembangunan kapasiti untuk wanita yang mengandungi empat domain utama seperti berikut:

- (i) Keseimbangan;
- (ii) Kepimpinan dan Kesaksamaan Kendiri;
- (iii) Kewangan; dan
- (iv) Kemahiran.

Pada tahun 2020, sebanyak empat (4) program telah dilaksanakan di bawah domain Kepimpinan dan Kesaksamaan Kendiri seperti berikut:

- (i) Program Pemantapan Wanita Bersama NGO – menyediakan wanita dengan pengetahuan dan kemahiran supaya lebih cakna, berinisiatif dan memupuk sikap saling membantu dalam meningkatkan keupayaan golongan wanita untuk memperkasa diri;
- (ii) Seminar *Design Thinking* – memantapkan kemahiran golongan wanita profesional dalam kerjaya;
- (iii) Seminar *Career Comeback* – memantapkan kemahiran golongan wanita profesional dalam kerjaya; dan
- (iv) Seminar Wanita dan Kepimpinan – memberi kesedaran tentang kepentingan ilmu kepimpinan.

Bagi tahun 2021, sehingga Ogos 2021, sebanyak 178 program di bawah Domain Kepimpinan dan Kesaksamaan Kendiri telah dilaksanakan di peringkat Ibu Pejabat dan Pejabat Pembangunan Wanita Negeri. Program-program yang dilaksanakan adalah berbentuk latihan, advokasi serta pendedahan bagi memberi kesedaran dan meningkatkan kemampuan wanita mempengaruhi keputusan berkaitan interaksi sosial. Antara program-program utama kepimpinan wanita yang telah dilaksanakan pada tahun 2021 adalah seperti berikut:

**1) Forum Kepimpinan Kendiri: Bangkit Sendiri**

- Diadakan sempena Hari Wanita 2021.
- Tujuan forum ini diadakan adalah untuk memberi kesedaran mengenai kepentingan kepimpinan kendiri dan perlunya wanita bangkit untuk mendepani sebarang cabaran dalam kehidupan mereka.

**2) Simposium Wanita Dalam Pengajian Tinggi**

- Diadakan pada 13 Julai 2021 secara dalam talian.
- Dilaksanakan dengan kerjasama JPW dengan pihak Institut Penyelidikan Pendidikan Tinggi Negara, Universiti Sains Malaysia (IPPTN, USM)
- Tujuan simposium ini dianjurkan adalah bagi menyediakan medium bagi golongan wanita untuk membincangkan dan berkongsi pandangan, idea atau inovasi mengenai isu dan trend semasa yang berkaitan dengan era disruptif, kelestarian dan kepimpinan dalam pendidikan tinggi. Selain itu, simposium ini juga bertujuan untuk memberi peluang kepada para peserta untuk membina jaringan kerjasama dan mendorong perbincangan mengenai isu-isu golongan wanita mengenai kepimpinan, kebolehpasaran dan kesaksamaan di Institut Pengajian Tinggi.

**3) Konvensyen Pemimpin Muda 2021 (KPM 2021)**

- Diadakan pada 16 hingga 18 Ogos 2021 secara dalam talian.
- Tujuan program dilaksanakan adalah bagi mengumpulkan input untuk penambahbaikan agenda pemerikasaan wanita daripada pemimpin muda dari pelbagai latar belakang di Malaysia. Satu resolusi akan dihasilkan daripada gabungan semua input dan maklum balas daripada para pemimpin muda ini dan bakal dijadikan rujukan untuk pengubalan dasar di masa hadapan.
- Program tersebut telah mengumpulkan lebih kurang 300 peserta dan fokus perbincangan adalah berdasarkan kepada enam kluster iaitu:
  - i. Pekerjaan dan Penjanaaan Pendapatan;
  - ii. Pendidikan dan Kesaksamaan Gender;

- iii. Kepimpinan dan Politik;
- iv. Kesihatan;
- v. Keselamatan; dan
- vi. Perundangan.
- Peserta KPM 2021 terdiri daripada pemimpin muda daripada Universiti Awam, Universiti Swasta, Institusi Pengajian Tinggi serta wakil-wakil daripada Pertubuhan Bukan Kerajaan.

**4) Program Pemerkasaan Gender dan Kepimpinan Wanita Muda & Wanita Berkerjaya**

- Diadakan sepanjang tahun bagi seluruh Malaysia melalui Pejabat Pembangunan Wanita Negeri manakala bagi Sabah dan Sarawak melalui Jabatan Hal Ehwal Wanita, Sabah serta Jabatan Wanita dan Keluarga, Sarawak.
- Tujuan program ini diadakan adalah untuk memberi inspirasi kepada wanita muda dan wanita berkerjaya mengenai teknik kepimpinan, meningkatkan kebolehpasaran wanita muda untuk menduduki kerusi lembaga pengarah dalam sektor korporat dan kebolehpayaan wanita sebagai pembuat keputusan dalam pelbagai bidang.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN  
DEWAN NEGARA MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB SENATOR DR. YAAKOB BIN SAPARI**

**TARIKH : 25 OKTOBER 2021 (ISNIN)**

**SOALAN:**

**Dr. Yaakob bin Sapari** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan apakah Kerajaan bersedia untuk menaikkan bantuan sara hidup sekurang-kurangnya RM1,500 sebulan memandangkan kos sara hidup terus meningkat kerana terdapat golongan kurang upaya (OKU) yang terpaksa menyara keluarga kerana tidak mampu bekerja.



**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) telah menyediakan bantuan kewangan kebajikan untuk meringankan beban kumpulan sasar buat sementara waktu sehingga mereka mampu untuk keluar daripada kepompong kemiskinan dan ke arah hidup berdikari.

Bantuan kebajikan yang diberikan bukan untuk menampung kos sara hidup sepenuhnya, sebaliknya ia adalah untuk membantu meringankan beban kewangan yang dialami oleh kumpulan sasar untuk hidup yang lebih selesa dan sempurna.

Semasa pembentangan Belanjawan Tahun 2021, Kerajaan telah menaikkan kadar bantuan yang melibatkan empat (4) skim bantuan berkaitan **Orang Kurang Upaya**, Warga Emas, Keluarga Miskin. Oleh yang demikian, **kerajaan tidak mempunyai perancangan untuk menaikkan kadar bantuan kebajikan dalam masa terdekat.**

Kenaikan kadar skim-skim bantuan kebajikan JKM adalah seperti berikut:

- i. Bantuan Kanak-Kanak (BKK) daripada RM100.00 kepada RM150.00 bagi seorang kanak-kanak dengan kadar maksimum RM1,000.00 sebulan satu (1) keluarga.  
**Kenaikan kadar ini memberi manfaat kepada 63,184 keluarga miskin dan sebanyak RM206.3 juta peruntukan telah disalurkan sehingga Ogos 2021.**
- ii. Bantuan Penjagaan OKU/Pesakit Kronik Terlantar (BPT) daripada RM350.00 kepada maksimum RM500.00 mengikut keperluan kes.  
**Kenaikan kadar ini telah memberi manfaat kepada 25,835 Penjaga OKU dan Pesakit Terlantar dan sebanyak RM106.8 juta peruntukan telah disalurkan sehingga Ogos 2021.**

- iii. Bantuan OKU Tidak Berupaya Bekerja (BTB) daripada RM250.00 kepada RM300.00.  
**Kenaikan kadar ini telah memberi manfaat kepada 83,929 OKU yang tidak bekerja dan sebanyak RM202.5 juta peruntukan telah disalurkan sehingga Ogos 2021.**
  
- iv. Elaun Pekerja OKU (EPOKU) daripada RM400.00 kepada RM450.00.  
**Kenaikan kadar ini telah memberi manfaat kepada 92,265 OKU yang bekerja dan sebanyak RM329.6 juta peruntukan telah disalurkan sehingga Ogos 2021.**
  
- v. Bantuan Warga Emas (BWE) daripada RM350.00 kepada RM500.00.  
**Kenaikan kadar ini telah memberi manfaat kepada 138,214 Warga Emas dan sebanyak RM559.2 juta peruntukan telah disalurkan sehingga Ogos 2021.**

Secara keseluruhannya, pada tahun 2021 sehingga Ogos, seramai **513,054 penerima bantuan** telah mendapat manfaat dan sebanyak **RM1.6 bilion** peruntukan telah disalurkan kepada penerima bantuan yang layak.

Sekian, terima kasih.